

27/02/2003

Dr M dapat mandat OIC (HL)

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) memberi mandat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kedudukannya sebagai Pengerusi Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), mengutus surat meminta anggota Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membantah resolusi Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Dr Mahathir yang mempengerusikan mesyuarat tidak rasmi OIC di sini semalam, berkata OIC bersetuju bahawa pertubuhan itu perlu mempengaruhi sebanyak mana pihak yang boleh membantu menghentikan cadangan perang ke atas Iraq.

"Ada cadangan supaya saya menulis atas sifat saya sebagai pengerusi NAM selain pengerusi mesyuarat tidak rasmi OIC (dan) saya juga perlu menghantar surat kepada Majlis Keselamatan (PBB) dan anggotanya di samping Kesatuan Eropah bagi menggesa mereka membantu mengelakkan serangan ke atas Iraq.

"Saya sudah tentunya akan menulis (surat), malah selaku Perdana Menteri, saya telah menulis kepada banyak orang untuk cuba mempengaruhi mereka. Tiada salahnya untuk menulis selaku Pengerusi NAM kepada Majlis Keselamatan dan anggotanya," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat tidak rasmi OIC.

Mesyuarat tidak rasmi OIC yang diadakan sehari selepas berakhirnya Sidang Kemuncak NAM ke-13, dihadiri 48 daripada 57 anggota OIC, termasuk 40 yang juga menganggotai NAM.

Dr Mahathir menjadi pengerusi NAM yang mengandungi 116 anggota dari negara sedang membangun, bagi menggantikan Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki pada edisi ke-13 persidangan pemimpin NAM, yang berakhir kelmarin.

Perdana Menteri berkata perutusan surat itu adalah 'sesuatu yang kita perlu lakukan' sungguhpun jika surat-surat berkenaan hanya dimasukkan ke dalam bakul sampah.

"Kita tidak tahu apa yang mereka (anggota Majlis Keselamatan) akan lakukan (dengan surat itu), sudah tentu, mereka mungkin akan hanya mencampakkannya ke dalam bakul sampah atau mereka mungkin memberikan maklumat balas dalam sebarang cara, tetapi saya pasti mereka akan meyakinkan kita semula bahawa mereka melakukan perkara yang betul," katanya.

Anggota tetap Majlis Keselamatan adalah Perancis, Russia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan China manakala anggota bukan tetap sekarang ini ialah Jerman, Guinea, Mexico, Pakistan, Sepanyol, Syria, Angola, Bulgaria, Cameroon dan Chile.

Guinea, Pakistan, Syria, Angola, Cameroon dan Chile juga adalah anggota NAM.

Kepada soalan lain mengenai khabar angin yang mengatakan Sidang Kemuncak OIC dengan Malaysia sebagai tuan rumah yang dijadualkan Oktober ini, akan dibatalkan, beliau menafikannya.

Perdana Menteri yang akan menghadiri mesyuarat tergempar OIC di Qatar minggu depan, berkata beliau percaya pertubuhan yang dianggotai 57 negara itu masih relevan.

"Saya berpendapat OIC masih (relevan) walaupun terdapat banyak kelemahan ia masih berpengaruh, jadi kita perlu berusaha mencari jalan untuk mengukuhkan OIC," katanya pada sidang akhbar yang turut dihadiri Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

